

31 MAY 2001

Mahathir-Umno

UMNO AKAN TUTUP KELABNYA JIKA BERTENTANGAN UNDANG-UNDANG

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 31 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno akan menutup kelab-kelab parti itu di luar negeri jika ia bertentangan dengan undang-undang sesebuah negara di mana ia ditubuhkan.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata parti itu menjunjung tinggi kedaulatan undang-undang dan mematuhi undang-undang yang tidak mengizinkan penubuhan kelab-kelab itu seperti di universiti-universiti yang membataskan pelajarannya berpolitik.

"Cuma yang saya khuatir ialah nanti akan ada orang lain yang datang untuk mempengaruhi mahasiswa di luar negara agar membenci orang seperti saya," katanya ketika menjawab satu soalan daripada seorang pelajar pada majlis pertemuan dengan masyarakat Malaysia di bangunan kedutaan besar Malaysia di Indonesia di sini malam ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Luar Datuk Syed Hamid Albar dan Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Rastam Mohd Isa.

Dr Mahathir menyeru masyarakat Malaysia di sini terutama pelajar agar bergaul dengan masyarakat tempatan dan memahami budaya mereka yang berbeza dengan Malaysia untuk dijadikan pengalaman yang berharga.

Sekalipun terdapat elemen tertentu yang tidak sesuai untuk ditiru, banyak yang boleh dipelajari seperti nilai dan adat resam yang baik untuk diterapkan sesudah pulang ke tanahair, katanya.

Beliau kesal kerana terdapat sesetengah pelajar yang dihantar belajar ke luar negeri suka terikat dalam kelompok masing-masing sehingga tidak mengenal budaya tempat mereka tinggal.

Perdana Menteri berkata keadaan dalam negara aman dan ekonominya terus maju setelah pulih sepenuhnya daripada krisis ekonomi yang melanda rantau ini lebih empat tahun lalu dengan pertumbuhan 8.5 peratus pada tahun lalu.

Namun tahun ini pertumbuhannya agak kurang dan ini bukan disebabkan oleh faktor dalam negeri melainkan kesan daripada ekonomi Amerika Syarikat yang merosot, katanya.

"Amerika Syarikat ialah pembeli barang-barang Malaysia yang terbesar terutama produk elektronik. Oleh kerana ia mengurangkan import bahan-bahan itu, maka ekonomi kita juga turut terjejas," kata beliau.

Mengenai politik, beliau mengakui memang terdapat perpecahan yang ketara terutama di kalangan masyarakat Melayu.

Katanya ini petanda yang tidak baik kerana orang Melayu merupakan tunjang politik di Malaysia dan jika tunjang itu lemah maka politik negara juga turut lemah.

"Oleh sebab itu kita menyeru diadakan pertemuan untuk penyatuan Melayu tetapi ada pihak tertentu yang tidak berminat ke arah itu," katanya.

-- BERNAMA

OPP NZ AKD